

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan Akhbar
Press Release

Pelaksanaan Sistem Pembelajaran Hibrid di Universiti Malaysia Sarawak Mulai Sesi 2023/24

Kota Samarahan, Sarawak - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan memperkenalkan pelaksanaan sistem pembelajaran hibrid bagi program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dengan Keupujian dan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pengurusan Korporat) dengan Keupujian mulai sesi akademik 2023/2024. Melalui inisiatif ini, pelajar universiti boleh menghadiri kuliah secara bersemuka dan dalam talian, sekali gus dapat menyusun aktiviti pembelajaran dengan lebih fleksibel.

Inisiatif ini selaras dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamad Khaled Nordin, bersempena Majlis Penutupan Jom Masuk U tahun 2023, yang telah menggariskan inisiatif dan penambahbaikan yang sedang dan akan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada Insititusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara dengan salah satu penambahbaikan merupakan system pendidikan secara hibrid dan anjal.

UNIMAS yakin bahawa kualiti pendidikan dapat ditingkatkan dengan mengadaptasi inovasi dan perkembangan teknologi yang tersedia pada masa kini. Dengan pelaksanaan sistem hibrid, pelajar UNIMAS yang akan mengikuti program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dengan Keupujian dan Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pengurusan Korporat) dengan Keupujian akan berpeluang mengaplikasikan pengalaman pembelajaran mereka di masa hadapan.

Ciri-ciri utama pelaksanaan sistem hibrid ini termasuk:

1. Pembelajaran teradun: UNIMAS mula memperkenalkan pendekatan pembelajaran teradun sejak tahun 2015 dan ianya sudah menjadi satu budaya dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS. Khususnya semasa pandemik pada tahun 2020, sejumlah 68 program melibatkan 13,334 pelajar berjaya dijalankan secara dalam talian termasuk penilaian menerusi platform pembelajaran teradun rasmi UNIMAS iaitu eLEAP dan eLEAP EXAM.

UNIMAS juga akan meneruskan pembelajaran secara hibrid, menggabungkan kelas secara bersemuka dan *platform* pembelajaran dalam talian. Pendekatan ini akan memberikan pelajar fleksibiliti untuk melibatkan diri dengan bahan kursus pada kadar yang mereka tentukan sendiri, di samping juga mendorong persekitaran pembelajaran interaktif dan kolaboratif semasa kelas fizikal.

7 Jun 2023

UNIMAS Corporate
Chancellory Division
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 51216
Fax +60 82 665088
www.unimas.my

2. Pembelajaran segerak dan tidak segerak: Pelajar akan mempunyai kebebasan untuk menyertai sesi pembelajaran segerak, di mana mereka dapat berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas dalam masa nyata, serta pembelajaran tak segerak, membenarkan mereka untuk mencapai kandungan kuliah yang direkodkan dan bahan kursus pada waktu yang sesuai dengan mereka.

3. Penyesuaian Struktur Kurikulum: Program akan membuat penyesuaian terhadap struktur kurikulum agar relevan dan selari dengan pembelajaran sistem hibrid.

4. Penambahbaikan Sistem Sokongan Pelajar: UNIMAS komited untuk menambahbaik perkhidmatan sokongan yang diberikan kepada pelajar bagi memperoleh pengalaman pembelajaran yang bermakna sepanjang tempoh pengajian mereka.

Dengan adanya sistem Pendidikan ini, ianya turut memberi peluang kepada pelajar untuk menyusun aktiviti pembelajaran dengan lebih fleksibel dan pada masa yang sama membantu mengurangkan kos pendidikan pelajar berbanding dengan mod pengajian konvensional sedia ada.

UNIMAS yakin dengan pelaksanaan sistem pembelajaran hibrid bagi kedua-dua program ini, akan memberi persekitaran pembelajaran holistik yang berpusatkan pelajar, dalam melahirkan graduan tersedia masa hadapan yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk kerjaya mereka.

--END--

UNIMAS merupakan universiti awam ke-8 di Malaysia dan mempunyai kampus tetap di Kota Samarahan, Sarawak. UNIMAS mempunyai sepuluh (10) fakulti dengan penawaran 92 program pengajian, dan lebih 17,000 pelajar pascasiswazah dan siswazah.

U N I M A S